



MALAYSIA CRIME PREVENTION FOUNDATION

# MCPF Gazette

1/2022



**“Your Safety  
is Our Priority”**

MCPF Sediakan  
**Hala Tuju  
Yang Mantap**  
Bagi Tahun 2022

Kempen Pencegahan Jenayah  
Komersial (Awie Tour)

MCPF PRIHATIN: Banjir & Covid-19

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah segala puji bagi Allah, Buletin MCPF edisi 1 tahun 2022 telah berjaya diterbitkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, secara langsung ataupun tidak langsung bagi menjayakan Buletin MCPF edisi 1 tahun 2022 ini.

Penerbitan Buletin ini diharapkan dapat memaparkan visi dan misi yayasan ini dengan lebih kukuh bagi mencapai objektif yang diisytiharkan dalam usaha membanteras jenayah disamping menyedarkan masyarakat betapa pentingnya tanggungjawab mencegah jenayah di dalam komuniti. Kemunculan buletin ini sebagai wadah memaparkan peranan MCPF dalam membendung kegiatan jenayah seiring dengan peredaran zaman dan teknologi.

Semoga tahun 2022 ini akan membuka lembaran kecemerlangan yang lebih baik dari tahun-tahun sebelumnya, sejajar dengan matlamat untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang aman, stabil dengan kadar jenayah sifar.

Selamat membaca.



# PENA EDITOR

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

- YB Dato' Seri Hamzah Zainuddin

### PENASIHAT

- YBhg. Dato' Sri Ayub Yaakob

### KETUA SIDANG REDAKSI

- YBrs. Dr. Isdawati Ismail

### KETUA EDITOR

- Puan Azalinda Mat Saad

### PENOLONG EDITOR

- YBhg. Datin Adib Muliyani Mohd Amin
- YBhg. Datin Rosliza Rosli

### AHLI JAWATANKUASA

- Encik Norazlan Haji Idris
- Puan Nur Anis Sahab
- Encik Bala a/l Karupiah
- Cik Nur Ain Abdul Manaf
- Encik Muhammad Sahrul Zainal Abidin

### PENYUNTING LUAR

- Puan Zaiton Yusok
- Puan Quyrul Zeta Ishak
- Puan Jerina Ibrahim

TELEFON – +603-2181 0055 / 0555  
FAKS - +603-2181 8800



# BARISAN AHLI EXCO MCPF 2020/2022

## PENAUNG

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob  
(Perdana Menteri Malaysia)

## PENGERUSI

YB Dato' Seri Hamzah bin Zainuddin  
(Menteri Dalam Negeri)

## TIMBALAN PENGERUSI

YDH IG Tan Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani  
(Ketua Polis Negara)

## NAIB PENGERUSI KANAN

YBhg. Dato' Sri Ayub bin Yaakob

## NAIB PENGERUSI

YBrs. Dr. Isdawati binti Ismail

## BENDAHARI

YBhg. Tan Sri Datuk Eddy Chen Lok Loi

## SETIAUSAHA KEHORMAT

YDH SAC Baharudin bin Mustapha

## SETIAUSAHA EKSEKUTIF

DSP Noorhamasiren binti Boonthnam Ekkasook

## LAIN-LAIN EXCO

1. YBhg. Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye
2. YBhg. Datuk Kamarudin bin Md Ali
3. YBhg. Dato' Zamrud bin Misdi
4. YBhg. Dato' Sri Johnny Ch'ng Ewe Gee
5. YBhg. Datuk Muhammad Fuad bin Talib
6. YBrs. Puan Wan Su binti Harun
7. YBrs. Tuan Chan Kuang Yu
8. YBhg. Dato' Seri Erwan bin Dato' Hj Mohd Tahir
9. YBhg. Dato' Mangsor bin Ismail
10. YBhg. Datuk Mak Foo Wei
11. YBrs. Tuan Haji Kamal Affandi bin Hashim
12. YBhg. Dato' Sri Chong Ching Fung
13. YBhg. Dato' Haji Abdul Aziz bin Ariffin
14. YBhg. Dato' Ch'ng Ewe Kok

(Mengikut jumlah undian semasa Mesyuarat Agung ke-27)

## EX-OFFICIO

1. KSU Kementerian Dalam Negeri
2. KSU Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
3. KSU Kementerian Pendidikan Tinggi
4. KSU Kementerian Belia dan Sukan
5. KSU Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
6. Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat
8. Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
9. Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia
10. Pengerusi Persatuan Polis Bantuan Malaysia
11. Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJJK) PDRM
12. Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia
13. Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
14. Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
15. Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
16. Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia
17. Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity Malaysia

# KATA-KATA ALUAN PENGERUSI YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Tahniah saya ucapkan atas penerbitan edisi pertama Buletin Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) bagi tahun 2022. Edisi ini bertujuan untuk memperkenalkan MCPF kepada masyarakat dengan lebih mendalam disamping menyebarkan lebih banyak maklumat berkaitan usaha membanteras jenayah di Malaysia serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang betapa pentingnya tanggungjawab mencegah jenayah.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1993, MCPF telah menganjurkan pelbagai program kempen pencegahan jenayah sebagai langkah kesedaran kepada orang awam. Hal ini penting dalam usaha membanteras jenayah di samping menyedarkan masyarakat betapa pentingnya tanggungjawab memelihara keamanan dan mencegah jenayah daripada terus berleluasa.

Seiring dengan kemajuan teknologi, trend jenayah masa kini telah pun berubah ke arah teknologi digital dan yang sedang hangat diperkatakan kini ialah jenayah siber. Pelbagai kes penipuan telah dilaporkan berkaitan dengan penipuan wang di atas talian ataupun online scam yang mengakibatkan kerugian jutaan ringgit. Antara penipuan digital yang popular masa kini termasuklah Skim Cepat Kaya, *Love Scam* dan *Macau Scam*.

Menyedari peningkatan kes jenayah siber ini, MCPF di semua peringkat telah mempergiatkan usaha dalam memberi pendedahan kepada masyarakat agar tidak terpedaya dengan helah sindiket penipuan ini. MCPF juga bekerjasama rapat dengan agensi-agensinya penguatkuasa terutamanya Polis Diraja Malaysia bagi membendung isu ini daripada terus merebak. Kewujudan MCPF adalah signifikan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat di setiap pelusuk negara tanpa mengira bangsa dan keturunan.

Akhir kata, saya berharap agar penerbitan buletin kali ini akan dapat memberi manfaat serta maklumat kepada semua lapisan pembaca.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin**

# KATA-KATA ALUAN NAIB Pengerusi Kanan YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Pandemik Covid-19 yang melanda negara dan seluruh dunia adalah ujian dan cabaran ke atas rutin kehidupan. MCPF juga terkesan kerana tidak dapat melakukan pelbagai program dan acara yang direncanakan. Kita telah melalui SOP harian ketat termasuk sekatan pergerakan dan penjarakkan sosial. Namun MCPF masih mampu melaksanakan tanggungjawab sosial bersama membantu frontliners dengan membekalkan bahan-bahan keperluan dan bantuan makanan selain meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan mematuhi SOP dengan cara yang sepatutnya. Beberapa siri webinar juga telah berjaya diadakan melalui media sosial.

Nilai-nilai murni seperti sifat persefahaman, hormat menghormati antara satu sama lain, kepatuhan kepada undang-undang, berkeyakinan diri dan bersifat keterbukaan terhadap perbezaan agama, kepercayaan, adat dan budaya perlu dipupuk kepada golongan muda dan remaja dalam membentuk negara yang aman dan harmoni. Sesungguhnya saya sangat mengalu-alukan pendekatan pencegahan jenayah dalam kalangan pelajar dan remaja kerana merekalah generasi yang akan menjunjung nama baik negara ke persada dunia.

Untuk mengharapkan sebuah negara bebas mutlak daripada jenayah adalah mustahil. Tetapi apa yang boleh dilakukan adalah dengan mengambil semua langkah perlu untuk mengurangkan kejadian jenayah dan mencegahnya. Pencegahan adalah usaha yang membabitkan pelbagai sektor, beserta disiplin dan tindakan bersepadu.

Saya menyeru kepada semua ahli MCPF di semua peringkat agar bergerak lebih aktif bersama semua agensi dan komuniti secara bersepadu dan semangat Keluarga Malaysia.

Di bawah kepimpinan Pengerusi YB Dato' Seri Hamzah bin Zainuddin dan Timbalan Pengerusi YDH IG Tan Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani, kita berkeyakinan segala perancangan program dan aktiviti MCPF tahun ini dapat memberi impak positif kepada masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ayub bin Yaakob**





## ” VISI

Menjadi organisasi Pencegahan Jenayah yang utama untuk persekitaran yang lebih selamat dan masyarakat yang aman.

## MISI

Untuk mewujudkan kesedaran dan menyediakan platform untuk penglibatan masyarakat dalam inisiatif pencegahan jenayah ke arah mencapai masyarakat yang lebih selamat.



“Saya berharap Yayasan dapat merangsang ahli masyarakat kita dan menggabungkan beberapa sumber ekonomi korporatnya serta kepakaran dan kepintaran individu dan organisasi kumpulannya dalam mencari cita-cita kemakmuran tanpa jenayah dan keadilan sosial untuk semua”. – **Tun Dr. Mahathir Mohammad, 1993, Mantan Perdana Menteri Malaysia**

## SEJARAH PENUBUHAN MCPF

Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia [No. Pendaftaran PPM-002-14-11011993], merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) telah ditubuhkan pada 11 Januari 1993. Penubuhan MCPF adalah sebahagian daripada Yayasan Pencegahan Jenayah Asia (Asia Crime Prevention Foundation) yang beribu pejabat di Tokyo, Jepun.

Penubuhan MCPF telah dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang juga merupakan Penaung MCPF pada masa itu.

Kini, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia Ke-9 merupakan Penaung MCPF; manakala Pengerusi MCPF pula adalah YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Menteri Dalam Negeri) dan YDH IG Tan Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani (Ketua Polis Negara) selaku Timbalan Pengerusi MCPF. Selain itu, Majlis Eksekutif MCPF pula dianggotai oleh 36 orang ahli dikalangan orang kenamaan dan berkepentingan dalam sektor kerajaan dan swasta.

### Senarai Pengerusi MCPF (1993-2022)

1993-1995	: YB Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar
1995-1997	: YB Dato' Hj Abang Abu Bakar bin Abang Mustapha
1997-2004	: YB Dato'Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak
2004-2008	: YB Datuk Dr Maximus J.Ongkili
2008-2009	: YB Datuk Seri Hj Mohd Shafie bin Hj Apdal
2009-2011	: YAB Tan Sri Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin
2012- May 2018	: YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi
Feb 2019 - Mac 2020	: YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Dr Wan Ismail
May 2020 - Sept 2021	: YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
Oct 2021	: YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin



## HUBUNGI MCPF



1. Laman sesawang - <https://www.mcpf.org.my>



2. Facebook - Malaysia Crime Prevention Foundation  
<https://www.facebook.com/mcpfofficial>

3. Email : [support@mcpf.org.my](mailto:support@mcpf.org.my)
4. Alamat : B-3A-13, Block B Level 4 Unit 13, Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur
5. Nombor Telefon : 03-2181 0055 / 0555

## OBJEKTIF

i) Mempromosikan kesedaran dan penyertaan awam dalam usaha pencegahan jenayah sepanjang masa, sejajar dengan usaha bersama kerajaan dan organisasi swasta yang berminat.

ii) MCPF bertujuan menyumbang kepada peningkatan langkah-langkah berkesan bagi pencegahan jenayah dan pemulihan pesalah, selain bermatlamat untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang aman, stabil dengan kadar jenayah sifar.

iii) Yayasan bertujuan menyumbang kepada peningkatan langkah-langkah berkesan bagi pencegahan jenayah dan pemulihan pesalah melalui tinjauan, penyelidikan dan program lain atas dasar kesejahteraan dan saling kerjasama di antara pihak-pihak yang terlibat dengan sistem keadilan jenayah di negara-negara di rantau Asia, dan kestabilan rantau ini.

## MOTO

**"Your Safety is Our Priority"**

# JAWATANKUASA TETAP

Jawatankuasa Pengurusan telah dibentuk bagi memastikan matlamat MCPF dan polisi yang dirangka oleh Majlis Eksekutif tercapai. Dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Ayub Yaakob yang juga merupakan Naib Pengerusi Kanan MCPF.

Di bawah jawatankuasa ini, terdapat 11 Jawatankuasa Tetap yang dipengerusikan oleh ahli EXCO seperti berikut:

- **Jawatankuasa Pentadbiran dan Operasi**  
Pengerusi: YBhg. Datuk Mak Foo Wei  
Setiausaha: Nur Ain Abdul Manaf
- **Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan**  
Pengerusi: YBrs. Dr. Isdawati Ismail  
Setiausaha: Nur Ain Abdul Manaf
- **Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan**  
Pengerusi: YBhg. Dato' Sri Johnny Ch'ng Ewe Gee  
Setiausaha: Bala a/l Karupiah
- **Jawatankuasa Pemulihan Pesalah**  
Pengerusi: YBhg. Dato' Sri Chong Chin Fung  
Setiausaha: Nurfarliza Kamarazaman
- **Jawatankuasa Kewangan dan Kutipan Dana**  
Pengerusi: YBhg. Tan Sri Datuk Eddy Chen Lok Loi  
Setiausaha: Nurfarliza Kamarazaman
- **Jawatankuasa Belia, Wanita dan Kanak-kanak**  
Pengerusi: YBrs. Puan Wan Su Hj Haron  
Setiausaha: Nur Ain Abdul Manaf
- **Jawatankuasa Keahlian**  
Pengerusi: YBrs. Tuan Chan Kuang Yu  
Setiausaha: Nur Farahdilla Sulaiman
- **Jawatankuasa Pencegahan Jenayah Berkaitan Dadah**  
Pengerusi: YBhg. Datuk Mangsor Ismail  
Setiausaha: Bala a/l Karupiah
- **Jawatankuasa Keselamatan Siber**  
Pengerusi: YBrs. Profesor Dr. Mohamad Fauzan Noordin  
Setiausaha: Nur Farahdilla Sulaiman
- **Jawatankuasa Inisiatif Bandar Selamat**  
Pengerusi: YBhg. Datuk Muhammad Fuad Talib  
Setiausaha: Bala a/l Karupiah
- **Jawatankuasa Kelab Pencegahan Jenayah**  
Pengerusi: YBhg. Datuk Kamarudin Md Ali  
Setiausaha: Nurfarliza Kamarazaman

## Aktiviti

- ▶ Mengelola, menyelaraskan dan mempromosikan aktiviti-aktiviti serta membantu organisasi yang berminat (individu atau kumpulan) untuk tujuan pencegahan jenayah.
- ▶ Mengendalikan kuliah umum, mesyuarat, seminar, persidangan atau pameran yang berkaitan pencegahan jenayah dan pemulihan pesalah.
- ▶ Menerbitkan dan menyebarkan risalah, buletin, poster dan penulisan lain yang menjelaskan aktiviti-aktiviti MCPF.
- ▶ Mengendalikan, membantu atau menggalakkan aktiviti-aktiviti seperti tinjauan, penyelidikan dan aktiviti-aktiviti berkaitan dalam pencegahan jenayah dan pemulihan pesalah.
- ▶ Menganjurkan projek/kempen bagi mempertingkatkan lagi kesedaran masyarakat tentang pencegahan jenayah.
- ▶ Bekerjasama dengan organisasi berkaitan di dalam dan di luar Malaysia seperti ACPF (Asia Crime Prevention Foundation) dan UNAFIE (United Nations Asia and Far East Institute for the Prevention of Crime and Treatment of Offenders), termasuklah bertukar-tukar pendapat, menerbitkan dan menyebarkan dokumen dan bahan sumber mengenai pencegahan jenayah dan keadilan jenayah.
- ▶ Mencari dana untuk menyokong aktiviti-aktiviti bukan komersial yang dikelola oleh MCPF untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

# JAWATANKUASA PERHUBUNGAN NEGERI

MCPF telah mewujudkan Jawatankuasa Perhubungan Negeri di setiap negeri di Malaysia. Mulai tahun 2016 MCPF juga telah mewujudkan MCPF peringkat daerah di setiap daerah pentadbiran polis (155 daerah)

- **Perlis:**  
Pengerusi  
YDH Ketua Polis Perlis (Interim)
- **Kedah:**  
Pengerusi  
YDH Ketua Polis Kedah (Interim)
- **Pulau Pinang:**  
Pengerusi  
YBhg. Dato' Ong Poh Eng
- **Perak:**  
Pengerusi  
Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab Wahab Dato' Seri Azizul Hassan
- **Kuala Lumpur:**  
Pengerusi  
YBhg. Tan Sri Tan Kean Soon
- **Selangor:**  
Pengerusi  
YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Jeffrey Cheah
- **N.Sembilan:**  
Pengerusi  
YBhg. Datuk Hj Fadzil A. Bakar
- **Melaka:**  
Pengerusi  
YBrs. Encik Edison Chan Tiam Hin
- **Johor:**  
Pengerusi  
YDH Ketua Polis Johor (Interim)
- **Pahang:**  
Pengerusi  
YBhg. Dato' Yong Kim Hong
- **Terengganu:**  
Pengerusi  
YBhg. Datuk Dr. Mustafa Ahmad Merican
- **Kelantan:**  
Pengerusi  
YBhg. Dato' Abdul Aziz Nawari
- **Sabah:**  
Pengerusi  
YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima (Dr) Goh Tian Chuan, JP
- **Sarawak:**  
Pengerusi  
YBhg. Dato' Sri Huang Tiong Sii



# PENCAPAIAN MCPF

## Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MCPF Bilangan 1-2022

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MCPF Bilangan 1-2022 telah diadakan pada 23 Februari 2022 bertempat di Willow Room, Tingkat 10, Hotel DoubleTree by Hilton, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Ayub Yaakob, Naib Pengerusi Kanan MCPF. Turut hadir adalah Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Tetap MCPF, yang terdiri daripada Tan Sri Datuk Eddy Chen Lok Loi, Dr. Isdawati Ismail, Dato' Sri Johny Ch'ng Ewe Gee, Datuk Muhammad Fuad Talib, Tuan Chan Kuang Yu, Datuk Kamarudin Md Ali, Datuk Mangsor Ismail, Dato' Sri Chong Chin Fung dan Prof Dr. Mohamad Fauzan Noordin.

Pembentukan Jawatankuasa Pengurusan MCPF ini bertujuan untuk mentadbir dan mengawal keseluruhan hal ehwal, aktiviti-aktiviti dan pelaksanaan dasar Yayasan. Semua Pengerusi Jawatankuasa Tetap yang dilantik oleh Pengerusi Majlis Eksekutif secara automatik akan berada dalam Lembaga Jawatankuasa Pengurusan.



## Infographics: Info Visualization Via Canva

Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman dan MCPF telah menjalinkan kerjasama dengan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai dalam penganjuran Kursus Infografik Canva bertarikh 16 Februari 2022. Kursus ini dihadiri oleh anggota-anggota JSJK dan Sekretariat MCPF yang terdiri daripada Encik Norazlan Haji Idris, Encik Bala Karupiah, Puan Farahdilla Sulaiman, Encik Muhammad Sahrul Zainal Abidin dan Cik Nur Ain Abdul Manaf. Kursus ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran penggunaan bahan infografik bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan jenayah siber. Kursus ini disertai oleh seramai 15 orang peserta dan diadakan di Bilik Komputer, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai. Penceramah kursus ialah Puan Azalinda Mat Saad, Pensyarah Utama Jabatan Perdagangan, Politeknik Nilai. Semoga dengan kursus ini, peserta dapat menyediakan bahan-bahan dalam bentuk infografik yang lebih menarik dan berkesan.



## Mesyuarat Exco MCPF Bilangan 1-2020/2022

Pada 14 Februari 2022 telah diadakan Mesyuarat Exco MCPF Bilangan 1-2020/2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Aras 8, Blok D2, Kompleks D, Kementerian Dalam Negeri. Mesyuarat kali ini telah dipengerusikan oleh YDH IG Tan Sri Acryl Sani bin Hj Abdullah Sani, Timbalan Pengerusi MCPF. Beliau mewakili YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Pengerusi MCPF yang tidak dapat hadir mempengerusikan mesyuarat kerana beliau berada di dalam tempoh kuarantin setelah dikenalpasti sebagai kontak rapat Covid-19. Dalam mesyuarat kali ini Pengerusi telah mengumumkan senarai nama Pengerusi Jawatankuasa Tetap serta Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri. Seramai 12 orang Pengerusi Jawatankuasa Tetap dan 14 orang Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri telah dilantik. Tahniah diucapkan kepada semua.



## Wacana "Sejauh Manakah Keberkesanan Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia"

Forum Wacana Ilmiah bertajuk "Sejauh Manakah Keberkesanan Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia" telah dilaksanakan pada 9 Februari 2022 bertempat di Dewan Sultan Haji Ahmad Shah, Maktab Polis Cheras, Kuala Lumpur. Forum ini dianjurkan oleh Pelajar Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisian) UKM-PDRM Sesi 2021/2023. Forum ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Ayub Yaakob, Dato' Mangsor Ismail serta seramai lebih kurang 250 tetamu jemputan yang terdiri daripada kalangan pucuk pimpinan PDRM seperti Ketua-Ketua Jabatan PDRM, Ketua-Ketua Polis Daerah di Lembah Kelang, wakil dari Pejabat Peguam Negara, Penjara Kajang dan Sungai Buluh serta wakil-wakil dari pelbagai NGO sekitar ibu negara. Forum ini juga telah dirasmikan oleh YDH IG Tan Sri Acryl Sani bin Hj Abdullah Sani, Ketua Polis Negara.

Diharap wacana ini dapat memberi maklumat yang berfaedah kepada semua.



## Kunjungan Hormat ke Kumpulan Media Prima Berhad

Kunjungan hormat ke Pejabat Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad telah dilaksanakan pada 8 Februari 2022 yang diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Ayub Yaakob dan turut dianggotai oleh Dr. Isdawati Ismail, Datuk Mak Foo Wei, Dato' Mangsor Ismail, Datuk Muhammad Fuad Talib, Tuan Chan Kuang Yu serta Norazlan Haji Idris (Pengurus Korporat). Delegasi ini disambut oleh YBhg. Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid (Pengerusi Kumpulan), Mohd Efendi Omar (Ketua Pegawai Operasi, Media Prima Omnia), Azlan Abdul Aziz (Pengurus Besar Kumpulan) dan Haslan Abbas (Pengurus Media Prima).

YBhg. Dato' Sri Ayub Yaakob dalam kunjungannya telah memperkenalkan MCPF sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang memberi fokus kepada kesedaran dan memupuk budaya pencegahan jenayah kepada setiap lapisan masyarakat disamping membantu program pemulihan kepada bekas banduan. Sesi kunjungan diteruskan dengan penerangan daripada Kumpulan Media Prima Berhad berkenaan perjalanan operasinya. Matlamat sesi kunjungan hormat adalah bertujuan untuk merancang jalinan usahasama di antara kedua-dua organisasi disamping beramah mesra dan berkenalan dengan delegasi.

Di kesempatan tersebut, delegasi MCPF telah dibawa untuk melawat Pusat Arkib Media Prima dan diberi penerangan berkenaan fungsi dan peranan Pusat Arkib Media Prima di dalam pengumpulan maklumat dan berita. Semoga hubungan antara MCPF dan Media Prima Berhad akan menghasilkan satu kerjasama yang berimpak tinggi.



## Polis Kontinjen Negeri Sembilan : Kontinjen & Daerah Terbaik Op Selamat ke-17

Tahniah diucapkan kepada Polis Kontinjen Negeri Sembilan, Polis Kontinjen Sarawak dan Polis Kontinjen Kedah kerana telah menjadi Kontinjen & Daerah Terbaik Op Selamat ke-17. Op Selamat kali ke-17 ini, sempena perayaan Tahun Baharu Cina telah bermula pada 28 Januari 2022 dan berakhir pada 6 Februari 2022.

Majlis Penganugerahan Kontinjen & Daerah Terbaik Op Selamat ke-17 telah diadakan di Bukit Aman Kuala Lumpur pada 8 Februari 2022 dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Ayub bin Yaakob. Objektif operasi ini adalah untuk meminimumkan kadar kemalangan jalan raya dan indeks jenayah melibatkan keselamatan rumah ketika musim perayaan. Syabas kepada semua pemenang.



## MCPF Sediakan Hala Tuju Yang Mantap Bagi Tahun 2022

Akhirnya pandemik Covid-19 telah berakhir. Ke mana hala tuju MCPF untuk tahun 2022?

Satu mesyuarat perbincangan mengenai Hala Tuju MCPF 2022 telah diadakan pada 27 Januari 2022 di Willow Room, Tingkat 10, Hotel DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur. Kesukaran mengendalikan dan melaksanakan program yang dirancang pada tahun 2020 dan 2021 telah berakhir dan kini MCPF telah membincangkan program-program yang bakal dijalankan di peringkat Pusat, Negeri dan juga di Daerah. Pelbagai keputusan telah dicapai dalam mesyuarat ini dan diharapkan semua program pencegahan jenayah dapat dilaksanakan sepanjang tahun ini selaras dengan objektif penubuhan MCPF.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Ayub Yaakob. Turut hadir ialah Dr. Isdawati Ismail, Datuk Kamarudin Md Ali, Dato' Zamrud Misdi, Dato' Mangsor Ismail, Datuk Muhammad Fuad Talib, Tuan Chan Kuang Yu, Datuk Mak Foo Wei dan sekretariat MCPF Pusat.



## Kunjungan Hormat MCPF ke Pejabat Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Bukit Aman

11 Januari 2022, YBhg. Dato' Sri Ayub bin Yaakob, bersama ahli EXCO yang lain telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial bagi membincangkan kerjasama dua hala di antara MCPF dan JSJK. Rombongan MCPF turut disertai oleh Dr. Isdawati Ismail, Datuk Kamarudin Md Ali, Dato' Mangsor Ismail dan Tuan Chan Kuang Yu. Beberapa program kerjasama telah dapat dibincangkan dan akan dilaksanakan dalam jangka masa terdekat.



## Tahniah Kepada 17 Exco Baharu Dilantik bagi Penggal 2020-2022

Seramai 17 orang Ahli Majlis Eksekutif (EXCO) bagi Penggal 2020-2022 telah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-27 MCPF pada 19 Disember 2020 bertempat di Hotel Muzaffar, Ayer Keroh, Melaka. Profesor Dr. Mohamad Fauzan Noordin dan Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab telah dilantik sebagai pemerhati bebas bagi memastikan proses pemilihan berjalan dengan lancar dan telus.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengerusi MCPF, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan Malaysia. Agenda mesyuarat adalah pelaporan Laporan Tahunan 2019 yang telah dibentangkan oleh DCP Dato' Dr. Mustafa Khan Abdul Samat selaku Setiausaha Kehormat dan Penyata Kewangan Tahun Berakhir 31 Disember 2019 dibentangkan oleh Tan Sri Datuk Eddy Chen Lok Loi, Bendahari MCPF.

Tahniah kepada semua EXCO baharu dan selamat berkhidmat dengan cemerlang.



## Kelab Pencegahan Jenayah Pertama di MRSM se-Malaysia

Tahniah MRSM Bentong.

Tanggal 3 Mac 2020 menjadi satu tarikh yang bersejarah apabila Kelab Pencegahan Jenayah MRSM se-Malaysia telah ditubuhkan. MRSM Bentong Pahang dipilih oleh pihak MARA sebagai MRSM pertama dalam penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah dan akan menjadi penanda aras kepada 52 buah MRSM lain di seluruh negara.

Kelab Pencegahan Jenayah MRSM se-Malaysia ditubuhkan untuk membantu MARA dalam membangunkan aspek disiplin, peneguhan jati diri, dan mendidik para pelajar berkenaan kepentingan hidup dalam suasana sihat, harmoni dan aman sejahtera. Kelab ini juga dijangka dapat membentuk komuniti pelajar yang mempunyai kesedaran tinggi terhadap aspek keselamatan dan pencegahan jenayah serta meningkatkan kefahaman mengenai penguatkuasaan undang-undang.

Pihak MARA mensasarkan penglibatan lebih daripada 4000 keahlian apabila ia ditubuhkan di MRSM kelak. Penubuhan kelab ini juga pasti membawa impak yang besar kerana akan melibatkan lebih daripada 150 orang guru, 50 orang Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM) bahkan akan membawa manfaat kepada lebih 600 orang pelajar di setiap MRSM.

Penubuhan kelab ini telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada Bahagian Pendidikan Menengah MARA (BPM) dan Muafakat Kebangsaan. Manakala pelancaran kelab ini telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Azhar Abdul Manaf, Ketua Pengarah MARA di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Bentong, Pahang. Turut hadir dalam majlis pelancaran ini adalah Puan Wan Ainizah Ariffin, Pengarah Bahagian Pendidikan Menengah MARA, DCP Dato' Mohd Yusri Hassan Basri, Timbalan Ketua Polis Pahang, Dato' Zainal Abidin Kasim, Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti PDRM dan tetamu kehormat yang lain.

Satu forum bertajuk 'Kesedaran Jenayah' turut diadakan semasa majlis pelancaran yang terdiri dari barisan ahli panel seperti SAC Dato' Dr. Mustafa Khan Haji Abdul Samat daripada Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Bukit Aman, Leftenan Kol. (B) Mustaffa Ahmad, Naib Presiden Kanan Outreach & Pembangunan Kapasiti Cyber Security Malaysia, dan Rafly Nann daripada MCPF Selangor serta moderator Imam Muda Taufek.



# MCPF PRIHATIN

## MCPF Kedah Menghargai Pesakit dan Warga Hospital Tunku Maliha Langkawi, Kedah

MCPF Kedah dengan kerjasama MCPF Daerah Langkawi telah menganjurkan satu program pemberian sumbangan kepada pesakit dan warga Hospital Tunku Maliha Langkawi, Kedah. Sumbangan yang dibuat berupa kerusi malas dan katil untuk pesakit serta meja dan kerusi untuk petugas hospital atas inisiatif MCPF Kedah. Syabas kepada MCPF Kedah bagi menayakan sumbangan ini. Diharap sumbangan ini dapat memberi manfaat kepada pesakit dan warga Hospital Tunku Maliha Langkawi, Kedah.



## MCPF Kelantan Menghargai Jasa Frontliners Dalam Membenters Covid-19

Dalam menghargai jasa petugas barisan hadapan dalam membenters COVID-19, satu program penyampaian sumbangan telah disampaikan oleh Pengerusi MCPF Kelantan (Cawangan Daerah Gua Musang) pada 15 Februari 2021. Sumbangan tersebut disampaikan kepada Ketua Polis Daerah Gua Musang yang mewakili petugas barisan hadapan. MCPF Kelantan juga turut menyampaikan sumbangan berupa bungkusan makanan dan minuman untuk barisan petugas hadapan di dua lokasi Sekatan Jalan Raya / PDRM (SJR) di Kota Bharu pada 24 Januari 2021. Syabas kepada MCPF Kelantan bagi menayakan sumbangan ini.



## Misi Bantuan Banjir: Bantuan Komuniti



## Sumbangan COVID-19



# PROGRAM KOLABORASI MCPF BERSAMA AGENSI LAIN

## Suicide Prevention: A Data-Driven Initiative, Kerjasama Sunway University dan British Graduate Association Malaysia (BGAM)

Semenjak wabak 2019 Novel Coronavirus Disease (COVID-19) melanda negara, kejadian bunuh diri menyaksikan pertambahan yang tinggi. Laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mencatatkan sebanyak 468 kes dalam tempoh Januari hingga Mei 2021. Berbanding pada tahun 2019 hanya 609 kes manakala tahun 2020 hanya 631 kes. Pakar-pakar percaya perkembangan ini berkait rapat dengan tahap kesihatan mental masyarakat yang mengalami masalah kewangan akibat kehilangan punca pendapatan disebabkan ekonomi yang merudum kesan daripada pandemik.

Sehubungan dengan itu, MCPF berpendapat satu kajian secara terperinci perlu dilakukan bagi mengenalpasti punca-punca kejadian kes bunuh diri selain mengumpulkan data yang lengkap berkaitan kes ini. Kali terakhir pengumpulan data berkaitan kes bunuh diri yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah pada tahun 2006.

MCPF dengan kerjasama Sunway University, British Graduate Association Malaysia (BGAM) dan beberapa NGO yang lain seperti National Coalition for Mental Wellbeing telah menyediakan kertas cadangan berkaitan isu kes bunuh diri di Malaysia untuk dibincangkan dengan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN).

## Kerjasama dengan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)

Projek Kaji Selidik Keberkesanan Kempen Pencegahan Jenayah Komersil

### Objektif Kajian

Menganalisis tahap keberkesanan kempen kesedaran penipuan dalam talian atau scam dalam kalangan masyarakat Malaysia.

### Sumbangan Kajian

#### ■ PDRM

Data daripada penyelidikan ini mempunyai implikasi yang praktikal kerana ia akan dicadangkan kepada PDRM dan penggubal dasar serta agensi kerajaan yang berkaitan supaya dasar perpaduan negara dapat diterokai dengan lebih lanjut bagi mewujudkan tahap kesedaran mengenai penguatkuasaan dan penerimaan maklumat yang lebih berkesan.

#### ■ MCPF

Hasil daripada penyelidikan ini akan disunting ke dalam bentuk yang lebih mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat dan akan disiarkan di platform-platform yang berkaitan untuk manfaat serta pengetahuan umum, di mana keberadaan MCPF dalam masyarakat akan lebih relevan.

## Kempen Pencegahan Jenayah Komersial (Awie Tour)

### ■ Anjuran:

Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), dengan kerjasama JPJJK, JSPT, Awie Entertainment Sdn Bhd dan HS Shazlicious Trading

### ■ Tujuan:

Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai jenayah komersial terutamanya melibatkan jenayah penipuan dalam talian yang menunjukkan peningkatan kes pada tahap yang membimbangkan dan seterusnya menghindarkan orang ramai daripada menjadi mangsa jenayah tersebut.

### ■ Objektif:

1. Memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai jenayah komersial terutamanya melibatkan jenayah penipuan dalam talian yang menunjukkan peningkatan.
2. Mempromosikan Aplikasi Semak Mule, CCID Infoline dan CCID Scam Center secara meluas dan lebih giat kepada masyarakat.

### ■ Kumpulan Sasaran:

Orang awam

## Kerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

Bengkel Pemerkasaan Komuniti Bagi Mencegah Penyalahgunaan Dadah dan Pelencongan Sosial (Geran Projek Rintis AADK)

### Objektif

1. Menyedari dan memahami mudarat penyalahgunaan dadah dan pelencongan sosial kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.
2. Memahami prinsip-prinsip mencegah penyalahgunaan dadah dan pelencongan sosial.
3. Mempunyai kemahiran asas bagi membentuk jati diri bagi menolak penyalahgunaan dadah dan pelencongan sosial.
4. Memahami peranan orang awam dalam pencegahan penyalahgunaan dadah, pelencongan sosial dan jenayah serta penguatkuasaan undang-undang.
5. Berupaya merancang aktiviti keselamatan dalam komuniti bagi mencegah penyalahgunaan dadah, pelencongan sosial dan jenayah.

### Tarikh

Tarikh : Mac 2022 hingga Ogos 2022

#### Kumpulan Sasaran

1. Pemimpin Komuniti
2. Pemimpin Belia
3. Pemimpin Badan Bukan Kerajaan (NGO)
4. Ahli Persatuan Penduduk
5. Ahli Skwad Antidadah
6. Orang awam yang berminat

## Kerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar / Pudu dan Politeknik Nilai

### Projek Rintis Intervensi Menangani Keciciran Murid dan Penglibatan dalam Jenayah Akibat Covid-19

Program ini memberi tumpuan kepada 2 jenis keciciran murid iaitu keciciran pembelajaran dan keciciran dari sistem. Satu sistem profiling murid telah dibangunkan oleh PPD Bangsar / Pudu untuk mengenalpasti murid yang berisiko cicer dan cenderung terlibat dengan pelencongan sosial. Satu program intervensi diperlukan untuk mencegah perkara tersebut daripada berlaku.

#### Cadangan inisiatif kerjasama

- ▶ Program pembangunan kemahiran - keusahawanan/ kulineri/ reka bentuk fesyen dan lain-lain.
- ▶ Program motivasi oleh Majlis Perwakilan Pelajar, Politeknik Nilai.

## PROJEK JANGKA PANJANG MCPF

**Program merekayasa Kelab Pencegahan Jenayah di institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah dan rendah serta MRSM.**

**Projek Bandar Selamat di Bangsar, Cheras dan Bukit Jambul, Pulau Pinang.**

**Program Inisiatif Kejiranan Selamat dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).**



## #EveryoneCanBeProtected with CODE7

CODE7 RTP (Respond-to-Protect) is a security application that is designed to keep you safe on-the-go.

- Protection of persons and/or property from harm, theft, and/or unlawful activity
- Observation, detection, and/or reporting unlawful or unauthorized activity
- Street patrol service

**We are ready to respond!**



**DOWNLOAD & SUBSCRIBE  
"CODE7 PROTECTION" NOW!**



1300-80-7777

[www.code7.asia](http://www.code7.asia)

[C7 Protection / C7 Recruitment](#)

EMR 681, LOT NO 683,  
MUKIM TAMPIN TENGAH,  
73000 TAMPIN, NEGERI SEMBILAN  
HUBUNGI : 06-4412241  
DATUK HJ FADZIL BIN A BAKAR  
019-6609644  
EMAIL : fadzil.enterprise@yahoo.com

CAWANGAN : NO 12 JALAN  
SERINDIT 3, IOI INDUSTRIAL PARK,  
BANDAR PUCHONG JAYA, 47100  
PUCHONG, SELANGOR  
HUBUNGI : 03-80824191  
EMAIL : fadzilenterpriseacc@gmail.com



**FADZIL  
ENTERPRISE SDN BHD**

TOP RECOND CAR DEALERSHIP



**MALAYSIA CRIME PREVENTION FOUNDATION**  
"YOUR SAFETY IS OUR PRIORITY"